

**Peranan Belia Malaysia Dalam Komuniti Asean  
Bernama  
14 Mei, 2012  
Oleh Mohamed Maliki Mohamed Rapiee**

*Ini bahagian pertama daripada dua artikel mengenai peranan dan potensi belia Malaysia, Penulis ialah Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM).*

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Majlis Belia Malaysia (MBM) bersedia untuk memikul tanggungjawab mengenengahkan lebih banyak peluang dan ruang kepada belia negara untuk beraksi di peringkat Asean.

Belia Malaysia perlu diterapkan dengan pemikiran bahawa gelanggang kejayaan mereka bukan lagi pada radius negeri atau negara tetapi amat luas di luar negara.

Penulis amat yakin bahawa belia Malaysia mampu menghadapi cabaran dan meraih peluang interaksi yang lebih luas bukan sekadar di Asean, malah pada peringkat global.

Ini berdasarkan prestasi belia Malaysia ke forum atau persidangan antarabangsa. Semua wakil yang dihantar melalui Kementerian Belia dan Sukan dan MBM pasti tidak akan mengecewakan.

Warga Malaysia sentiasa dikenali sebagai sederhana, matang, mesra dan mudah didekati. Malah, dalam banyak keadaan, warga Malaysia sering diberikan mandat dan tugas untuk menjadi titik penyatuan komuniti antarabangsa yang mempunyai pelbagai ragam serta latar belakang.

Itulah di antara formula yang dimiliki rakyat Malaysia. Secara sedar atau tidak ia adalah ramuan yang paling mujarab untuk menyatukan rakan di luar negara.

#### **PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA**

Penulis percaya bahawa kita, sebagai rakyat Malaysia harus bangga dan mengiktiraf kehebatan warga Malaysia yang mendapat kepercayaan masyarakat antarabangsa.

Contohnya Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam yang dipilih sebagai Presiden Perhimpunan Belia Sedunia (WAY) sejak 1993 hinggalah melepaskan jawatan dua tahun lepas.

Kini mandat serupa diberikan kepada anggota Parlimen Tangga Batu Datuk Idris Haron yang juga pengerusi Sektor Belia, Dunia Melayu Dunia Islam.

Setiausaha Agung MBM Mohd Zaidi Aziz pula kini merupakan Setiausaha Agung, Jawatankuasa Kerjasama Belia Asean (CAYC).

Penulis berada di Phnom Penh untuk menghadiri Forum Belia Asean 2012 pada April lalu.

Hajat untuk melihat rantau Asia Tenggara terbentuk sebagai satu komuniti hampir menjadi realiti apabila semua 10 negara yang menganggotai Asean menyatakan kesungguhan dan persetujuan untuk menjadikan tahun 2015 sebagai tahun merealisasikan gagasan berkenaan.

Komitmen Malaysia ke arah komuniti Asean ini turut disuarakan Perdana Menteri Datuk Seri

Najib Tun Razak yang menghadiri Sidang Kemuncak Asean di Phnom Penh, Kemboja yang bertemakan 'Asean: Satu Komuniti, Satu Matlamat'.

Malah, secara lebih tegas Najib menyatakan bahawa Asean perlu mencapai gagasan yang dirancang dengan meningkatkan peranan serta keupayaan golongan belia di setiap negara anggota Asean.

## **KOMUNITI ASEAN**

Persidangan tahunan Asean di Kemboja ini turut menerima beberapa cadangan yang selama ini diberi penekanan oleh Malaysia seperti isu dadah dengan pengisytiharan Asean Bebas Dadah 2015 dan penerimaan kertas konsep Gerakan Kesederhanaan Global.

Pemilihan Phnom Penh sebagai lokasi persidangan memberikan makna mendalam khasnya dalam aspek pembangunan masyarakat di rantau ini.

Walaupun pembentukan komuniti Asean tidaklah seperti komuniti Eropah dengan penggunaan mata wang Euro dan dasar fiskal yang seragam, namun pastinya akan berlaku peningkatan hubungan interaksi sosio-ekonomi-politik masyarakat Asean pada masa depan.

Diharapkan semua pihak dapat memberikan perhatian mendalam terhadap perubahan yang akan dialami oleh komuniti besar ini kerana tempoh tiga tahun menjelang 2015 bukanlah tempoh yang lama.

Maknanya, rakyat Malaysia sendiri perlu bersedia untuk berinteraksi lebih lincah dengan rakan-rakan di luar sempadan negara yang menuntut pelbagai keupayaan termasuk bahasa, komitmen, modal dan ketahanan diri.

Belia Malaysia umpamanya perlu bersifat mesra, mudah bergaul dan kuat membawa jatidiri Malaysia dan bukan lagi masih mahu dikenali sebagai 'Melayu Malaysia, Cina Malaysia atau India Malaysia'.

## **KUASA DI KEMBOJA**

Kejayaan Kemboja mempengerusi dan menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak Asean ke-20 adalah satu bukti kesungguhan serta iltizam negara yang terkenal dengan Angkor Wat ini untuk bangkit daripada sejarah hitam.

Masyarakat dunia pasti tidak akan melupakan tragedi pembunuhan dan penyeksaan dilakukan rejim Khmer Rouge yang diketuai Pol Pot pada 1975-1979.

Dalam tempoh itu lebih dua juta rakyat Kemboja dibunuh secara tragis, demi mengekalkan kekuasaan regim itu. Kemboja yang sebelum itu kaya dengan sumber alam berubah menjadi sebuah negara mundur.

Amat malang bagi rakyat Kemboja itu apabila mereka tertipu dengan permainan politik Khmer Rouge pada awal 1975 menjanjikan sebuah regim yang mampu membawa sinar baharu kepada rakyat Kemboja berikutan kelemahan pentadbiran sedia ada. yang dibayangi sokongan Amerika Syarikat dan konflik dengan Vietnam.

Pol Pot berjaya mempengaruhi dan memainkan emosi rakyat yang ketika itu berada dalam keadaan kesusahan. Maka, dengan mudahnya beliau menyebarkan fahaman komunis kononnya berpaksikan kepada keadilan sosial.

## **BELIA**

Kelompok paling menyokong beliau ketika itu adalah golongan muda yang amat ghairah ingin melihat perubahan dalam masyarakat mereka.

Ternyata sikap baik Khmer Rouge hanya bertahan tidak lebih tiga bulan apabila menunjukkan watak sebenar mereka. Ideologi komunis Pol Pot yang radikal menyebabkan beliau menjadi buta hati dan tergamak membunuh begitu ramai rakyat Kemboja.

Golongan muda dan cerdik pandai adalah sasaran utama beliau kerana tidak mahu ada rakyat bangun menentang kezaliman dilakukan. Sehingga kini masyarakat masih boleh menyaksikan kesan kezaliman terbabit.

Ternyata, kuasa boleh menjadikan manusia mabuk dan kejam. Lebih menakutkan lagi, Pol Pot membuktikan bahawa demi kuasa, manusia boleh menyamar dan bertukar watak.

Belia Malaysia patut mengambil iktibar ini dalam memainkan peranan sebagai pelapis kepimpinan negara dan penyokong hala tuju Malaysia.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=665979>